

Selamatkan **hati** daripada seksaan

■ Perlu dijaga supaya patuh kepada perintah Allah

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Merujuk kepada kandungan al-Quran, ada 110 kali perkataan bermaksud 'hati' dalam bentuk jamak yang dinyatakan secara berulang.

Jika diperhatikan maksud perkataan itu, sebahagian besar penyebutannya membawa maksud negatif dengan pengertian bahawa hati manusia dalam keadaan sakit dan memerlukan penguatkuasaan.

Contohnya, firman Allah pada ayat 7, surah al-Baqarah bermaksud: "(Dengan sebab keingkaran mereka), Allah memamerkan atas hati mereka serta pendengaran mereka dan pada penglihatan mereka ada penutupnya dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar."

Pada ayat 10, surah sama bermaksud: "Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)."

Imam al-Ghazali dalam kitabnya, Ihya Ulumiddin menulis secara panjang lebar mengenai perkara berkenaan.

Beliau mengupas secara menyeluruh keajaiban hati dan perkara menjadi pemusnah serta usaha yang perlu dilakukan untuk menyelamatkannya daripada perkara mungkar.

Hati adalah anggota yang turut menerima seruan agama, malah ia akan dihidupkan dan diminta untuk bertanggjawab.

Sebagai makhluk Allah yang diberi amanah untuk melaksanakan ajaran agama, manusia mempunyai dua tugas utama iaitu melaksanakan hukum amali zahir dan amali batin.

Hukum amali zahir boleh difahami dalam bentuk perintah dan larangan. Contoh perintah membatik hukum amali zahir ialah solat, puasa, haji, jual beli dan perkahwinan manakala contoh larangan ialah membunuh, berjudi, berzina dan mencuri.

Bagi hukum membatik amali batin pula, contoh perintah ialah beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, ikhlas, reda dan syukur manakala contoh larangannya ialah kufur, nifaq, riyak dan hasad dengki.

Daripada pembahagian itu, ia memberi pemahaman jelas kepada kita bahawa setiap amalan batin juga mempunyai penilaiannya di sisi Allah.

Batin atau hati perlu sentiasa dijaga agar ia sentiasa mengarah kepada perkara diperintahkan oleh Allah dan menjauhi perkara dilarang oleh-Nya.

Sebenarnya, hati adalah asas fikiran dan ia menjadi sumber kepada amali zahir dalam diri manusia.

Jika ia rosak, akan rosaklah semua dan jika ia baik, akan baiklah semuanya.

Hal ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW mafhumnya: "Ingatlah bahawa dalam jasad ada segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh ja-

sadnya dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasadnya. Ketahuilah bahawa segumpal daging itu adalah hati." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Perlu kita sedari, membersihkan hati daripada perkara keji termasuk amalan utama dan menjadi kewajipan ke atas setiap Muslim. Perkara ini berdasarkan firman-Nya yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad); Sesungguhnya Tuhanku mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji sama ada yang nyata atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa..." (Surah al-A'raf, ayat 33)

Penyakit hati adalah faktor utama menjauhkan manusia daripada Allah dan mendekatkannya dengan syaitan manakala syaitan mengajak manusia untuk memasuki neraka.

Oleh itu, kita perlu membersihkannya daripada perkara keji.

Usah membiarkan penyakit seperti iri hati, hasad dengki, sombong, riyak dan bangga diri bertakhta di hati.

Perbanyakkanlah amalan mengingati-Nya.

Penulis pensyarah
UnisZA

FAKTA
Membersihkan hati daripada perkara keji termasuk amalan utama dan menjadi kewajipan ke atas setiap Muslim



SENTIASA dekatkan diri kepada Allah dengan selalu mengunjungi masjid.